

KUMPULAN SYMPHONY LIFE

NOTIS PRIVASI

Kumpulan Symphony Life menghormati privasi berkenaan Data Peribadi anda dan berusaha untuk melindungi Data Peribadi anda menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta").

Notis Privasi ini menerangkan:

- Jenis-jenis Data Peribadi yang kami kumpulkan dan cara pengumpulannya
- Cara penggunaan Data Peribadi yang kami kumpulkan
- Pihak-pihak yang kami mendedahkan Data Peribadi anda
- Pilihan yang kami tawarkan, termasuk cara-cara mengakses dan mengemaskini Data Peribadi anda.

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Notis Privasi ini hanyalah terpakai kepada golongan individu sahaja.

Bagi tujuan Notis Privasi ini, sila ambil maklum bahawa:

- "Kumpulan Symphony Life" merujuk kepada, secara kolektif, Symphony Life Berhad, syarikat-syarikat berkaitan dan/ atau bersekutu, entiti yang dikawal bersama serta gabungannya;
- "Data Peribadi" merujuk kepada sebarang maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung kepada anda dan/atau transaksi anda bersama kami.

1. JENIS DATA PERIBADI YANG DIKUMPULKAN DAN CARA PENGUMPULANNYA

Data Peribadi yang dikumpul dan diproses oleh kami boleh termasuk:-

- i) Maklumat bagi mengenalpasti anda (cth:- nama, umur, jantina, gambar, nombor kad pengenalan);
- ii) Maklumat untuk dihubungi supaya kami dapat berhubung dengan anda (cth:- alamat, nombor telefon dan alamat e-mel);
- iii) maklumat untuk bertransaksi dengan anda sekiranya anda memilih untuk melaksanakan kontrak bersama kami (cth:- maklumat kad kredit atau bank);
- iv) maklumat demografi bagi membolehkan kami menyediakan produk-produk atau perkhidmatan- perkhidmatan baru yang lebih baik dan bersesuaian bagi anda (cth:- status perkahwinan, keutamaan, minat dan anggaran gaji);
- v) maklumat yang diperolehi dari kaji selidik pelanggan; dan
- vi) mana-mana Data Peribadi lain yang dikehendaki bagi maksud yang dinyatakan dalam (2) di bawah.

Kami mengumpul Data Peribadi anda daripada pelbagai sumber, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- i) melalui hubungan anda dengan kami , contohnya maklumat yang diberikan oleh anda dalam borang permohonan, apabila menggunakan produk atau perkhidmatan kami , apabila menggunakan talian kami atau perkhidmatan elektronik , apabila mengambil bahagian dalam kaji selidik pelanggan, pertandingan dan promosi;
- ii) melalui perbualan lisan , bertulis dan / atau komunikasi elektronik dengan kami dan / atau ejen dilantik kami;
- iii) dari analisis cara anda menggunakan / akses / memaklum balas terhadap perkhidmatan kami dan / atau;
- iv) daripada apa-apa sumber-sumber lain yang berkenaan dengannya dimana anda telah memberi kebenaran untuk mendedahkan maklumat berkaitan dengan anda dan / atau di mana maklumat tersebut tidak terhad.

2. BAGAIMANA KAMI MENGGUNAKAN DATA PERIBADI ANDA

Data Peribadi yang diberikan akan membolehkan entiti dalam Kumpulan Symphony Life untuk mengguna, memungut dan menyimpan data bagi tujuan-tujuan berikut yang berkaitan dengan pentadbiran dan pembangunan perniagaan kami:

- i) untuk menunaikan kewajipan kontrak kami;
- ii) untuk memberikan anda perkhidmatan notifikasi seperti pemberitahuan mengenai majlis pelancaran , promosi dan acara melalui pemasaran / pengiklanan / bahan promosi, e-mel atau panggilan ;
- iii) bagi mencipta direktori dan pangkalan data (di mana direktori atau pangkalan data itu adalah bertujuan untuk penerbitan, kami akan merahsiakan atau mengagregatkan maklumat tersebut dengan cara yang tidak akan dapat mengenai pasti anda secara khusus , dan jika ia tidak boleh dilakukan, kami akan mendapatkan persetujuan anda sebelum penerbitan itu dibuat);
- iv) untuk menyampaikan notis dan kenyataan;
- v) mematuhi keperluan undang-undang atau peraturan;
- vi) untuk memperbaiki produk dan perkhidmatan kami;
- vii) untuk digunakan untuk pemasaran dalaman dan kajian selidik demografi;
- viii) untuk lebih memahami keperluan pelanggan kami;
- ix) untuk menjalankan siasatan kredit demi membantu pelanggan untuk mendapatkan kemudahan kewangan; dan
- x) untuk tujuan lain yang bersampingan atau berkaitan dengan tujuan di atas.

3. KESAN KEGAGALAN UNTUK MEMBERIKAN DATA PERIBADI

Anda mungkin dikehendaki untuk menyediakan beberapa jenis maklumat peribadi dalam borang atau dokumentasi lain, sama ada dalam bentuk elektronik atau cetak. Maklumat tersebut akan ditunjukkan sebagai wajib / mandatori, dan jika anda gagal untuk memberikan maklumat peribadi wajib tersebut kepada kami, atau kemudian menarik balik kebenaran anda bagi membolehkan kami terus memproses yang sama, kami mungkin tidak dapat memberikan atau terus menyediakan anda dengan penuh pelbagai manfaat, produk dan / atau perkhidmatan yang anda telah minta dari kami, dan kemungkinan juga kami tidak dapat memenuhi tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas.

4. PENDEDAHAN DATA PERIBADI

Dalam memberikan kami Data Peribadi anda , anda mengakui bahawa anda sedar Data Peribadi tersebut boleh didedahkan dan dipindahkan (sama ada di Malaysia atau di luar negara) kepada entiti lain dalam Symphony Life Group, ejen-ejen, perunding, peguamcara , juruaudit, kontraktor, pembekal , rakan kongsi, pengiklan , institusi kewangan, agensi laporan kredit terkawal dibawah Akta Agensi Laporan Kredit 2010, mana-mana pihak ketiga yang telah terlibat atau dilantik oleh kami, dan mana-mana pihak ketiga yang telah dibenarkan oleh anda untuk menggunakan , mendedahkan dan mengekalkan Data Peribadi anda.

Kecuali yang dinyatakan di atas, kami tidak akan mendedahkan Data Peribadi anda kepada sesiapa di luar Kumpulan Symphony Life melainkan jika dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana penguat kuasa yang berkaitan atau pihak berkuasa, agensi atau jabatan , dan / atau di mana pendedahan tersebut adalah perlu untuk bertindak balas terhadap sebarang tuntutan atau proses undang-undang , atau untuk mengesan / mencegah jenayah.

Apabila anda memberi kami Data Peribadi anda, anda boleh memilih untuk menghadkan kami daripada menggunakan Data Peribadi anda dengan cara yang berikut:

- i) Apabila anda dikehendaki mengisi borang untuk memberi maklumat, tandakan kotak untuk menunjukkan bantahan / keengganan anda untuk dihubungi bagi tujuan pemasaran langsung berkenaan mana-mana tawaran , acara akan datang dan promosi; atau

- ii) Sekiranya anda sebelum ini telah bersetuju bahawa Data Peribadi anda digunakan bagi tujuan pemasaran langsung, anda boleh memilih untuk menarik balik kebenaran anda melalui e -mel kepada crm@symphonylife.my . Pilihan terkini anda yang telah disampaikan kepada kami akan diguna pakai.

5. KESELAMATAN DATA PERIBADI ANDA

Dalam usaha untuk mencegah akses atau pendedahan yang tidak dibenarkan, kami telah melaksanakan langkah-langkah teknikal dan administratif bagi melindungi keselamatan dan integriti Data Peribadi anda.

6. PENYIMPANAN DATA PERIBADI

Data Peribadi yang diberikan akan dikekalkan selama tujuan ianya dikumpulkan wujud, dan sebagaimana yang dikehendaki oleh polisi yang berkaitan Kumpulan Symphony Life, samaada daiam bentuk cetak atau eiektroik dalam pembekal perkhidmatan di daiam atau di luar Malaysia

7. INTEGRITI DATA PERIBADI

Ia adalah tugas anda untuk memastikan Data Peribadi yang diberikan adalah lengkap, tepat dan terkini. Sekiranya berlaku apa-apa ketidaktepatan, anda boleh memohon bagi data yang tidak tepat tersebut diperbetulkan atau dihapuskan.

8. HAK AKSES KEPADA DATA PERIBADI

Akta tersebut memberi anda hak untuk mengakses mana-mana Data Peribadi yang mungkin ada pada kami dengan membayar fi yang ditetapkan, dan juga membuat permohonan bagi mengemaskini atau membuat pembedulan terhadap Data Peribadi anda yang bukan terkini, tidak tepat atau tidak lengkap.

Anda juga boleh meminta akses kepada Data Peribadi anda untuk sebab-sebab berikut:

- i) untuk memeriksa jika Data Peribadi anda disimpan dan digunakan oleh kami;
- ii) untuk menarik balik kebenaran berkenaan dengan tujuan tertentu yang mana kami memproses Data Peribadi anda ;
- iii) untuk memohon bahawa Data Peribadi anda dikekalkan dan digunakan hanya bagi tujuan yang ia telah dikumpulkan dan
- iv) untuk menarik balik persetujuan anda sepenuhnya atau sebahagiannya yang berkenaan dengan pemasaran langsung.

Apa-apa permintaan untuk akses, pertanyaan, pembedulan, aduan atau untuk menghadkan pemprosesan Data Peribadi boleh dibuat dengan menghubungi jabatan yang berkenaan seperti berikut: -

Jabatan	Pengurusan Perhubungan Pelanggan
Alamat Surat Menyurat	Symphony Life Berhad Level 9, Symphony House Dana 1 Commercial Centre Jalan PJU 1A/46 47301 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan
No. Tel	03-7844 6866
No Faks	03-7844 6999
Alamat e-mel	crm@symphonylife.my

9. PINDAAN KEPADA NOTIS PRIVASI

Symphony Life Berhad berhak untuk meminda Notis Privasi ini dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Kami akan memaklumkan mengenai sebarang perubahan material terhadap Notis Privasi ini di laman web kami dan / atau dengan apa-apa cara komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Kumpulan Symphony Life.

Sesalinan Notis Privasi in boleh didapati dari laman web kami di www.symphonylife.my

Versi terpinda bertarikh 21 Jun 2017